

Gah!

Kini 'bebas' lari di kawasan penjara

Pengalaman cukup bermakna selepas dibebaskan dari penjara 10 tahun lalu

• SITI AISYAH NORZIN
 naisyah@sph.com.sg

BERLARI sekitar kawasan penjara 10 tahun selepas belia dibebaskan memang sesuatu yang cukup bermakna bagi Encik Roslan Hashim.

Semasa dalam penjara dahulu, Encik Roslan hanya mampu melihat ke luar dan memikirkan bagaimana rasanya bebas di luar.

"Walaupun saya berada di sekitar tempat yang sama seperti 10 tahun lalu, perasaannya amat berbeza.

"Ia mengingatkan saya tentang kesakitan yang dilalui sebelum ini, dan mendorong saya untuk merenung kembali hidup dan berazam untuk terus kekal di luar penjara, bukan sahaja untuk 10 tahun selepas ini, bahkan selamanya," katanya dengan penuh tekad.

Encik Roslan merupakan salah seorang daripada 6,500 peserta acara Larian Penjara Reben Kuning yang diadakan Ahad lalu.

Lebih \$153,000 berjaya dikumpulkan melalui acara yang dianjurkan buat tahun ke-10 itu.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan,

"Walaupun saya berada di sekitar tempat yang sama seperti 10 tahun lalu, perasaannya amat berbeza. Ia mengingatkan saya tentang kesukaran yang dilalui sebelum ini, dan mendorong saya untuk merenung kembali hidup dan berazam untuk terus kekal di luar penjara, bukan sahaja untuk 10 tahun selepas ini, bahkan selamanya."

— Encik Roslan Hashim.

ceptance, iaitu kategori larian kumpulan yang diperkenalkan tahun lalu.

Kategori tersebut menawarkan peluang kepada bekas pesalah berlari dalam kumpulan empat orang yang dinamakan mengikut nama beberapa rumah peralihan atau pusat



LARIAN BERMAKNA: (Dari kiri) Encik Paul Sew, Encik Roslan Hashim dan Encik Jabez Koh turut serta dalam acara Larian Penjara Reben Kuning Ahad lalu. — Foto-foto BH oleh SYAMIL SAPARI

but membawa peserta ke tapak-tapak bersejarah termasuk Johore Battery, Muzium Gereja Kecil Changi dan pagar Tembok Penjara Changi Lama.

Superintenden Penjara 1A Cheam Tiong Pheng, yang juga pengerusi jawatankuasa

melangkah dan terus menuju ke arah penerimaan, katanya.

"Penjara kedua yang dihadapi bekas pesalah apabila mereka dibebaskan adalah penjara yang boleh dibuka oleh sikap masyarakat yang ingin memberi peluang

"Perjalanan pemulihan yang dilalui bekas pesalah memang dipenuhi pelbagai cabaran, tapi kami berasa terharu melihat sokongan masyarakat yang meningkat dari segi penerimaan awam dan usaha badan-badan untuk meningkatkan prospek bekas pesalah dari segi pemulihan dan reintegrasi"

Text:

Kini 'bebas' lari di kawasan penjara

SITI AISYAH NORDIN



Berlari sekitar kawasan penjara 10 tahun selepas beliau dibebaskan memang sesuatu yang cukup bermakna bagi Encik Roslan Hashim.

Semasa dalam penjara dahulu, Encik Roslan hanya mampu melihat ke luar dan memikirkan bagaimana rasanya bebas di luar.

“Walaupun saya berada di sekitar tempat yang sama seperti 10 tahun lalu, perasaannya amat berbeza.

“Ia mengingatkan saya tentang kesukaran yang dilalui sebelum ini, dan mendorong saya untuk merenung kembali hidup dan berazam untuk terus kekal di luar penjara, bukan sahaja untuk 10 tahun selepas ini, bahkan selamanya,” katanya dengan penuh tekad.



Encik Roslan merupakan salah seorang daripada 6,500 peserta acara Larian Penjara Reben Kuning yang diadakan Ahad lalu. Lebih \$153,000 berjaya dikumpulkan melalui acara yang dianjurkan buat tahun ke-10 itu.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Encik Chan Chun Sing, hadir sebagai tamu terhormat dan telah memulakan acara larian 10 kilometer serta menyertai acara larian 5.6 kilometer.

Kemuncak acara tahun ini ialah gerakan 'Jalan Menuju Penerimaan' atau *Road to Acceptance*, iaitu kategori larian kumpulan yang diperkenalkan tahun lalu.

Kategori tersebut menawarkan peluang kepada bekas pesalah berlari dalam kumpulan empat orang yang dinamakan mengikut nama beberapa rumah peralihan atau pusat penjagaan selepas penjara.

Encik Roslan telah mewakili pasukan Iscos (Persatuan Syarikat Kerjasama Perusahaan dan Perkhidmatan) dengan tiga anggota lain.

Laluan yang disediakan bagi acara tersebut membawa peserta ke tapak-tapak bersejarah termasuk Johore Battery, Muzium Gereja Kecil Changi dan pagar Tembok Penjara Changi Lama.

Superintenden Penjara 1A Cheam Tiong Pheng, yang juga pengerusi jawatankuasa penganjur Larian Penjara Reben Kuning 2018, berkata mereka telah melihat sokongan yang semakin meningkat daripada masyarakat dan rakan kongsi terhadap acara tersebut.

Ini membantu bekas pesalah untuk berani melangkah dan terus menuju ke arah penerimaan, katanya.

"Penjara kedua yang dihadapi bekas pesalah apabila mereka dibebaskan adalah penjara yang boleh dibuka oleh sikap masyarakat yang ingin memberi peluang kedua kepada mereka," tambahnya.

Seorang lagi peserta, bekas pesalah yang kini mengambil bekas pesalah lain bekerja dalam syarikat pengangkutan yang dimilikinya bersama rakan kongsi, Encik Jabez Koh, berkata:

"Perjalanan pemulihan yang dilalui bekas pesalah memang dipenuhi pelbagai cabaran, tapi kami berasa terdorong melihat sokongan masyarakat yang meningkat dari segi penerimaan awam dan usaha badan-badan untuk meningkatkan prospek bekas pesalah dari segi pemulihan dan reintegrasi"

Sejak dimulakan pada 2009, acara Larian Penjara Reben Kuning berjaya mengumpul sebanyak \$1,057,000 bagi dana Reben Kuning, yang membiayai program pemulihan bagi pesalah, bekas pesalah dan keluarga mereka.



Translation:

'Free' run around prison grounds

It was somehow significant for Mr Roslan Hashim to be able to run around the prison grounds, 10 years after his release.

While in prison, Mr Roslan was only able to look outside and think about how freedom felt.

"Although I was in the same location as I was 10 years ago, my feelings are very different. It reminded me of the difficulties I had in the past, and prompted me to reflect on life and be determined to stay out of prison – not only for the next 10 years, but forever," he said with full determination.

Mr Roslan is one of the 6,500 participants at the Yellow Ribbon Prison Run held last Sunday. Over \$153,000 was successfully raised through the event, now in its tenth year.

The Minister for Trade and Industry, Mr Chan Chun Sing, was present as the Guest of Honour. He flagged off the 10km competitive run and also joined the 5.6km fun walk.

The highlight of this year's event is the "Road to Acceptance", a group category introduced last year. The category offers an opportunity for ex-offenders to run in groups of four representing several halfway houses or aftercare agencies.

Mr Roslan represented ISCOS (Industrial & Services Co-Operative Society) with three other members.

The route for the run brought participants to historic sites including Johore Battery, Changi Chapel Museum and the Old Changi Prison Wall fence.

Superintendent of Prisons 1A Cheam Tiong Pheng, who is also the chairman of the Organizing Committee of the Yellow Ribbon Prison Run 2018, said they have seen increased support from community and partners to the event.

This helps ex-offenders to step forward and continue towards acceptance, he said.

"The second prison that an ex-offender has when released is a prison that can be opened by the attitude of the people who want to give them a second chance," he added.

Another participant, Mr Jabez Koh, an ex-offender who is currently employing other ex-offenders in a logistics company he owns with his partner, said:

"The journey of rehabilitation experienced by the ex-offender is full of challenges, but we are encouraged to see increased community support in terms of public acceptance and the efforts of agencies in increasing the prospects of recovery and reintegration for ex-offenders."

Since its inception in 2009, the Yellow Ribbon Prison Run had successfully raised \$1,057,000 for the Yellow Ribbon fund, which supports rehabilitation programmes for inmates, ex-offenders and their families.